

Daily Express

INDEPENDENT NATIONAL NEWSPAPER OF EAST MALAYSIA
Established since 1963

6 JANUARI 2023

Kemiskinan punca keciciran pendidikan anak Orang Asli?

BUAT sekian kalinya Jamil Gabon, 40, akan berdiri di tepi jendela pondok kediamannya yang hanya berdinginkan potongan buluh dan berbumbung daun rumbia, dan menengok tajam ke arah kebun getah seluas hampir dua hektar yang diusahakannya itu.

Kedadaan cuaca yang tidak menentu sejak bulan September lepas menyebabkan sumber rezeki daripada pokok getah itu turut terjejas dan keadaan semakin genting dengan ketibaan musim tengkujuh.

Resah hati anak jati Orang Asli suku Temiar ini turut dikongsi kebanyakan penduduk kampung lain di Pos Simpoh yang terletak jauh di pedalaman Gua Musang kerana keadaan itu hanya menambah lagi beban kewangan mereka yang rata-ratanya bergantung pada sumber komoditi tersebut.

"Sudah tiga bulan tak dapat menoreh getah. Dari bulan Oktober tak ada hasil duit getah kerana tidak dapat menoreh disebabkan hujan hampir setiap hari. Memang nak pergi menoreh untuk cari duit tapi susu getah yang terkena air hujan tidak sesuai dijual, rosak, jadi sia-sia," luah hati bapa kepada tiga orang anak ini kepada penulisi.

Kedadaan itu juga menyukarkannya untuk menyara keluarga apatah lagi dia tidak mempunyai pekerjaan sampingan lain bagi menambah pendapatan dan ini bukan bermakna disebabkan sifat pemalas tetapi faktor geografi menyebabkan masyarakat Orang Asli di Pos Simpoh sukar mencari sumber rezeki alternatif bagi menampung keluarga.

Akses kepada kawasan penempatan Orang Asli itu hanyalah melalui udara dan jalan balak yang berlokap serta berbahaya dengan memakan masa lebih empat jam perjalanan ke bandar Gua Musang biarpun jaraknya hanyalah sekitar 98 kilometer.

"Nak keluar kerja di pekan, kena ada sekurang-kurangnya RM100. Ini pun jika ada motosikal sebab jalan balak sini teruk, motor mudah rosak. Nak sewa rumah di pekan tidak murah, sebab itu kami bergantung kepada getah, cuma saya bimbang tahun depan anak masuk sekolah menengah, mesti banyak guna duit walaupun sekolah percuma. Macam-macam benda kena beli," katanya lagi kepada Bernama

Bagi penduduk Pos Simpoh, majoriti daripada mereka mengusahakan tanaman getah selain turut bercucuk-tanam menanam ubi, padi dan sayur-sayuran lain untuk keperluan makanan sendiri.

Pos ini didiami lebih 900 penduduk dan ia

antara penempatan Orang Asli paling jauh di pedalaman Semenanjung dan tidak boleh ditemui di Google Maps. Terdapat 12 buah kampung iaitu Kampung (Kg) Penad, Kg Sedal, Kg Sumbang, Kg Ceranok, Kg Dandut, Kg Jader Lama, Kg Pahoj, Kg Kledang, Kg Pos Simpoh, Kg Halak, Kg Rekom dan Kg Tihok di Pos Simpoh.

Sukar dinafikan, kebanyakan ketua keluarga di pos ini bergelut dengan cabaran menyekolahkan anak mereka sehingga ada yang bukan sahaja tidak dapat menghantar anak sekolah pada Januari dan Februari (biasanya awal tahun), malah ada murid yang terpaksa berhenti sekolah atas faktor kemiskinan.

"Walaupun sesi persekolahan baharu bermula Mac tetapi awal tahun tetap perlukan perbelanjaan lebih kerana pakaian tetap kena tukar disebabkan badannya dah naik, tinggi, kasut kena beli dan bila masuk sekolah menengah, lagilah kena bagi duit saku biarpun duduk asrama.

"Sebabnya anak saya akan bersekolah jauh di bandar Gua Musang dan tidak boleh bertemu selalu, jadi kenalah ada duit saku. Simpanan yang ada hanya boleh beli makanan kerana pendapatan sebagai penoreh getah tidak seberapa biarpun mempunyai lebih daripada 200 batang pokok kerana pokok saya bukannya pokok kahwin yang dapat hasil banyak," tambah Jamil.

Ada ketikanya dia hanya memperoleh sekitar RM40 hingga RM50 sebulan ataupun paling tinggi hanyalah RM200 sebulan memandangkan harga sekilogram getah sekerap dijual mengikut kadar pasaran.

Biarpun begitu, kebiasaannya getah mereka dibeli dengan harga lebih murah antara RM1.10 atau paling tinggi pun pernah mencecah RM3.00 sekilogram tetapi selalunya bawah RM2.00 biarpun harga komoditi itu di pasaran lebih tinggi.

Ini kerana peraih yang datang membeli hasil mereka mengambil kira faktor kos minyak, jalan balak dan jarak perjalanan.

Tambah memburuk apabila harga getah mengalami kejatuhan sebanyak 11.7 peratus bagi tempoh Julai hingga Ogos tahun ini, dengan harga peringkat ladang telah merosot kepada RM2.50 ke RM2.80 sekilogram berbanding RM3.00 sekilogram pada enam bulan pertama tahun ini, sekali gus menyukarkan lagi kehidupan pekebun kecil yang kebanyakannya tinggal di luar bandar.

Pendapatan yang tidak seberapa itu sudah tentunya sukar untuk Jamil dan penduduk Orang

Asli lain menyimpan wang yang boleh digunakan ketika waktu terdesak apatah lagi harga barangan keperluan makanan harian adalah lebih mahal berbanding pendapatan yang diperolehi.

"Harapan saya memang tinggi mahu anak-anak mengubah hidup kami sekeluarga dan saya tahu pendidikan itu caranya. Cuma, bila masuk sekolah menengah banyak belanja diperlukan berbanding sekolah rendah, dan saya takut tidak mampu untuk hantar Jelita anak sulung kami tahun depan sekolah menengah walaupun dua anak lagi belum cukup umur bersekolah," katanya.

Kesukaran hidup itu menyebabkan kebanyakan masyarakat Orang Asli terpaksa mengutamakan 'makanan' berbanding 'pendidikan' dan menurut Pengerusi Jaringan Kampung Orang Asli Kelantan Mustafa Along, 35, situasi berkenaan tidak hanya berlaku di Pos Simpoh tetapi majoriti kawasan pedalaman lain.

Kesempitan hidup membuatkan mereka terpaksa mengutamakan dahulu makanan keluarga apatah lagi situasi menjadi lebih parah apabila hasil tanaman musnah dirosakkan gajah atau 'orang besar'.

Menjelaskan lebih lanjut, Mustafa berkata serangan haiwan liar itu semakin kerap sejak kebelakangan ini kesan aktiviti pembalakan dan pembukaan tanah yang mengakibatkan tanaman seperti ubi kayu, sayur-sayuran dan buah-buahan musnah dirosakkan haiwan berkenaan selain nyawa mereka juga turut terancam.

"Biasanya sebelum ini, duit jualan getah boleh kami simpan untuk kegunaan anak sekolah tetapi sekarang makin sukar apabila semakin banyak serangan 'orang besar', babi hutan, monyet di kebun kami selepas hutan di bahagian Pos Bihai, banyak diteroka menyebabkan haiwan itu cari makanan di Pos Simpoh kerana hutan di sini masih lagi terpelihara.

"Ini sangat beri kesan kepada kami sebabnya hasil cucuk-tanam itu boleh digunakan untuk menampung keperluan makanan harian tetapi kerana serangan itu, kami perlu membeli sumber makanan yang dijual di sini dengan harga sangat mahal," katanya. - Bernama

Mustafa memberi contoh, harga barangan dapur yang dijual di kampung itu ada yang lebih RM20 berbanding di bandar Gua Musang kerana penjual mengambil kira kos minyak, faktor pedalaman dan sekiranya orang kampung memilih ke bandar, mereka perlu menyewa kenderaan pacuan empat roda dengan kos RM800 pergi balik dan itu tidak termasuk perbelanjaan lain. - Bernama